

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1993/94

April 1994

PDP 477 - Kaedah Mengajar Sejarah

Masa : (3 jam)

-----  
Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. Kaedah Inkuiri menekankan proses induktif dalam pembelajaran dan proses ini memerlukan usaha dalam pembinaan hipotesis-hipotesis serta pencarian maklumat yang bertujuan untuk mendapatkan satu generalisasi terhadap masalah yang dibincangkan.
  - a) Bincangkan perbezaan-perbezaan falsafah, di antara 'Kaedah Inkuiri' dan 'Kaedah Kuliah'.
  - b) Sejauh manakah anda menyokong penggunaan kaedah ini dalam pengajaran-pemelajaran sejarah. (25 markah)
  
2. Apakah dia 'Mengajar Berpasukan'? Rancangkan satu strategi yang membolehkan 'Mengajar Berpasukan' ini dilaksanakan dengan licin dan berkesan di sekolah. (25 markah)
  
3. Di Malaysia, masyarakat meletakkan ekspektasi yang tinggi kepada pendidikan sejarah sebagai mata pelajaran yang dapat menerapkan nilai-nilai kewarganegaraan di kalangan murid-murid sekolah. Buat satu penilaian terhadap ekspektasi dan realiti mata pelajaran ini berdasarkan pengalaman anda di sekolah baru-baru ini. (25 markah)

...2/-

- 2 -

4. Kefahaman tentang pertumbuhan kanak-kanak terutama dalam aspek penguasaan bahasa dan menghayati konsep masa adalah penting bagi guru sejarah. Bincangkannya dengan merujuk kepada kajian-kajian yang telah dibuat mengenainya sehingga masa kini.

(25 markah)

5. Bincangkan faktor-faktor penting yang perlu dipertimbangkan apabila merancang kurikulum sejarah. Dengan meneliti kurikulum sejarah yang ada (KBSM), sejauh manakah ia mencerminkan hasrat tersebut.

(25 markah)

6. Cadangkan dua alat bantu mengajar yang anda fikir dapat digunakan dengan berkesan di dalam pengajaran-pemelajaran sejarah. Setiap alat bantu mengajar yang dicadangkan hendaklah juga membincangkan falsafah, rasional dan cara-cara penggunaannya.

(25 markah)

- oooOooo -